

## **Kemusnahan Budaya di Turkistan Timur**

### **Perobohan Kawasan Uyghur**

- Kerajaan China telah morobohkan kawasan Uyghur di Turkistan Timur lebih daripada satu dekad. Ini telah mengakibatkan kemusnahan struktur bangunan seperti rumah, kedai dan tempat ibadah Uyghur. Warga Uyghur telah dipaksa berpindah ke blok pangsapuri yang diawasi dengan ketat.
- Kota Lama Kashgar, iaitu kota subur bagi budaya Uyghur dan antara bandar Islam yang paling terpelihara sebelum ini, telah dibinasakan. Projek pembangunan semula Kota Lama ini bagi pelancongan semata telah memusnahkan kehidupan tradisi Uyghur.

### **Penghapusan Adat Resam dan Tradisi**

- Pihak berkuasa China sedang dalam percubaan untuk mengasimilasikan warga Uyghur melalui sekatan adat resam dan tradisi, serta hanya membenarkan budaya Uyghur yang ditakrif secara rasmi sahaja. Dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan China menyatakan amalan budaya dan kerohanian mestilah selari dengan nilai-nilai sosialis.
- Seni muzik klasik yang dikenali sebagai *Muqam* serta *Meshrep*, iaitu majlis tradisi bagi pelbagai bentuk budaya Uyghur seperti muzik, tarian dan penyampaian hikayat secara lisan, mesti mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan China.
- Warga Uyghur dipaksa menari tarian China di khalayak ramai, menyanyi “Lagu Merah” Komunis, memakai pakaian tradisi China serta menyambut Tahun Baru Cina.

### **Penahanan Artis, Ahli Akademik dan Wartawan**

- Dasar kerajaan China telah menetapkan bahawa sebarang kajian serta penyebaran sejarah dan ekspresi seni Uyghur dikira sebagai jenayah.
- Pendapat yang menyimpang daripada pandangan rasmi serta ekspresi identiti budaya yang tidak diluluskan dianggap sebagai 'pemisah' atau 'pengganas' dan akan didakwa atas kesalahan 'membahayakan keselamatan negara.'
- Berdasarkan laporan yang bertajuk Eksploitasi dan Tindakan Menjenyahkan Warisan Budaya Uyghur (*Exploitation and Criminalization of Uyghur Cultural Heritage*) yang diterbitkan pada Jun 2018, Projek Hak Asasi Manusia Uighur (**UHRP**) mendapati bahawa kebanyakan amalan budaya tradisional telah diubah kepada kempen propaganda dan tarikan pelancongan semata-mata, atau dalam beberapa kes, diharamkan sepenuhnya.
- Dalam laporan yang dikeluarkan pada Oktober 2018, Penindasan terhadap Golongan Intelektual di Wilayah Uighur: Hilang Selamanya? (*Persecution of the Intellectuals in the Uyghur Region: Disappeared Forever?*), UHRP mengenal pasti 231 ahli cendikawan yang telah hilang, direman dalam kem tahanan, disingkirkan daripada jawatan mereka atau dipenjarakan sejak April 2017. Individu yang telah dikenal pasti hanya mewakili sebahagian kecil sahaja daripada mereka yang terjejas.
- China menduduki tempat ke-176 terburuk dalam kebebasan akhbar daripada 180 negara dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2018 'Reporters Without Borders'. Laporan Kebebasan Akhbar (*Freedom of the Press*) Freedom House 2017 meletakkan China dalam kategori "Tidak Bebas". Freedom House juga meletakkan China dalam kategori "Tidak Bebas" untuk laporan '*Freedom on the Net 2017*'. Dalam bancian penjara 2018, Jawatankuasa Melindungi Wartawan mendokumenkan 47 wartawan yang dipenjarakan di China, di mana 23 daripadanya adalah dari warga Uyghur.
- Ahli akademik, wartawan dan artis yang hilang dan dipercayai direman di kem tahanan adalah termasuk Rahile Dawut, seorang penglipur lara yang terkenal di peringkat antarabangsa. Ulama Muhammad Salih Hajim dan Abdulnehed Mehsum telah meninggal dunia di kem tersebut pada tahun 2018.

- Wartawan Uyghur Gheyret Niyaz dijatuhi hukuman penjara 10 tahun pada Julai 2010 di atas membahayakan keselamatan negara dengan bercakap dengan wartawan asing. Cik Gulmire Imin, admin bagi laman web Salkin, telah dijatuhi hukuman penjara seumur hidup pada tahun 2017.
- Penyanyi popular, Zahirshah Ablimit dan Ablajan Ayup, ahli muzik Abdurehim Heyit, penyair Chimengul Awutand dan Perhat Tursun, dan pelawak Adil Mijit semuanya telah direman ke dalam kem tahanan.